

06/01/2003

SPNB perluas skim perumahan dana khas

SUNGAI PETANI: Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) akan memperluaskan pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat yang memiliki tanah tetapi tidak mampu membina rumah ke seluruh negara.

Projek itu dilaksanakan melalui peruntukan RM100 juta Kementerian Kewangan untuk Skim Perumahan Dana Khas Persekutuan SPNB bagi membolehkan rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah.

Sebagai permulaan, Kedah dipilih negeri pertama perluasan projek berkenaan, sebagai susulan kepada kejayaan projek perintis Skim Perumahan Nelayan yang dilaksanakan di Terengganu, Ogos lalu.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan, meluluskan peruntukan itu baru-baru ini dengan tumpuan bantuan kepada rakyat yang memiliki tanah tetapi tidak berupaya daripada aspek kewangan untuk membina rumah.

"Projek ini harus melalui Ketua Umno bahagian, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN).

"Ogos lalu, Dr Mahathir melancarkan projek perintis perumahan ini, khusus untuk nelayan di Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu dan berdasarkan kejayaan projek itu, SPNB akan memperluas projek ini ke seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian projek rumah mampu milik Bedong Jaya, di Semeling, Bedong, dekat sini, semalam yang disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Projek perumahan Bedong Jaya di kawasan 25.2 hektar itu menyediakan 549 unit rumah kos rendah dan 240 unit rumah kos sederhana rendah serta rumah kedai.

Pembinaannya dimulakan bulan ini dan dijangka siap sepenuhnya Oktober 2004.

Rumah kos rendah seluas 213 meter persegi dan bernilai RM35,000 seunit itu dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik air, manakala rumah kos sederhana rendah melebihi RM35,000 dan rumah kedai bernilai RM110,000.

SPNB yang ditubuhkan pada Ogos 1997 adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dengan modal berbayar diterbitkan RM10 juta pada RM1 sesaham.

Selain membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, SPNB juga bertanggungjawab mengambil alih projek perumahan terbengkalai.

Ahmad Zahid berkata, melalui Skim Perumahan Dana Khas Persekutuan, SPNB menyediakan peruntukan RM35,000 bagi rumah yang mempunyai keluasan 213 meter persegi dengan kadar pembayaran bulanan RM70 setahun selama 20 tahun.

Bagi rumah berkeluasan 304 meter persegi yang bernilai melebihi RM35,000, pemilik rumah disyaratkan membayar balik pinjaman RM100 sebulan selama 20 tahun.

Katanya, rumah kos rendah berkonsepkan rumah sebuah itu dibina melalui pelan yang disediakan SPNB dengan penyediaan tiga bilik tidur dan dua bilik air.

"Ini adalah projek BN khusus untuk rakyat yang tidak memiliki rumah dan sentiasa menyokong Kerajaan BN. Tidak ada kerajaan lain dalam dunia ini yang menyediakan skim seumpama ini," katanya.